


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-19	Maryam	98	6	Makkiyyah	Ke-44	6



Zaman Diturunkan

Surah Maryam adalah satu Surah Makkiyyah. Ia diturunkan sebelum hijrah ke Habsyah yang berlaku pada tahun ke-5 Hijrah, ketika itu orang-orang Islam menjadi mangsa kezaliman dan kekejaman orang-orang musyrikin di Mekah. Para sahabat yang akan berhijrah ke Habsyah perlu sekali dididik untuk menghadapi orang-orang Kristian di Habsyah, maka surah yang membimbing mereka bermujadalah dan berdiskusi dengan Ahli Kitab diturunkan. Sayyidina Ja'far bin Abi Thalib r.a. telah membaca surah ini di hadapan raja Najasyi.

Perkaitan Surah Maryam Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Ayat terakhir Surah al-Kahfi yang telah berlalu sebelum Surah Maryam menjelaskan aqidah tauhid dengan firman Allah **أَنَّ مَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ** dan manusia dilarang melakukan syirik dalam ibadat. Mesej utama Surah Maryam ini pula ialah menolak aqidah trinity (tritunggal) dan membuktikan kebenaran aqidah tauhid.
2. Disebutkan di permulaan Surah al-Kahfi bahawa salah satu tujuan al-Qur'an diturunkan ialah untuk mengingatkan orang-orang Kristian tentang kesilapan aqidah mereka (Ayat: 4).

وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ❶

Di dalam Surah Maryam ini pula terdapat ayat-ayat seperti ayat ke-35 berikut:

مَا كَانَ لِلَّهِ أَنْ يَتَّخِذَ مِنْ وَلَدٍ سُبْحَانَهُ

Dan ayat ke-92 yang membuktikan Allah tidak mempunyai anak.

وَمَا يَتَّبِعِي لِلرَّحْمَنِ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا ❷

3. Dunia hanya perhiasan untuk sementara waktu, yang benar-benar kekal ialah amal shaleh.

Di dalam Surah al-Kahfi tersebut ayat di bawah ini: (Ayat: 46).

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ❸

Ia jelas menunjukkan kehidupan dunia hanyalah perhiasan sementara. Yang kekal dan berguna di sisi tuhan hanyalah amalan shaleh. Di dalam Surah Maryam, perkara yang sama disebutkan (Ayat: 76).

وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ مَرَدًّا ❹

4. Di dalam Surah Maryam aqidah tauhid dibuktikan berdasarkan sejarah kehidupan Nabi 'Isa dan beberapa orang nabi yang lain, di dalam Surah Thaha akan datang, dikemukakan kehidupan Nabi Musa yang jelas memperjuangkan aqidah tauhid.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Gaya bahasa yang aneh dan luar biasa digunakan di dalam Surah Maryam sebagai dalil-dalil kebenaran ajaran tauhid.

Perkataan *بُرْهَان* atau *آيَةٌ* tidak digunakan di dalam Surah Maryam untuk membuktikan kebenaran ajaran tauhid, ia sebaliknya menggunakan gaya bahasa yang aneh dan tidak biasa seperti *ذِكْرُ رَحْمَةٍ* dan *وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ*.

(Ayat: 2)

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكْرِيًا ①

(Ayat: 16)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ انْتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا ②

(Ayat: 41)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ إِبْرَاهِيمَ إِذْ كَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا ③

(Ayat: 51)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ مُوسَى إِذْ كَانَ مُخْلَصًا وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا ④

(Ayat: 54)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِذْ وَدَّعَى الْوَعْدَ وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا ⑤

(Ayat: 56)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ إِدْرِيسَ إِذْ رِيسَ إِذْ وَدَّعَى الْوَعْدَ وَكَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا ⑥

Semua mereka yang tersebut di dalamnya adalah pendokong-pendokong ajaran tauhid. Maka itu merupakan bukti kebenarannya.

2. Punca sebenar kesyirikan orang-orang musyrikin Mekah.

Ketika menjelaskan tentang sebab-sebab kesyirikan orang-orang musyrikin Mekah yang menjadikan *مِنْ دُونِ اللَّهِ* sebagai tuhan mereka, surah ini mendedahkan bahawa tuhan-tuhan selain Allah itu pada anggapan mereka kuat, perkasa dan mempunyai iradat (kehendak). Untuk mendapat pertolongan dan bantuan daripada merekalah orang-orang kafir Quraisy menyembahnya (Ayat: 81).

وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ آلِهَةً لِيَكُونُوا لَهُمْ عِزًّا ⑧

3. Di dalam Surah Maryam, satu dalil aqli dikemukakan dalam bentuk pertanyaan bahawa tuhan yang

telah menjadikan manusia dari tiada kepada ada, adakah tidak berkuasa untuk menjadikan `Isa tanpa bapa? (Ayat: 9)

وَقَدْ خَلَقْنَاكَ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْئًا ۝

dan (Ayat: 67).

أَوْ لَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ يَكُ شَيْئًا ۝

4. Bani Israil tidak menjaga dengan baik sembahyang yang diwajibkan ke atas mereka.

Dijelaskan kepada Ahli Kitab bahawa bermula dari zaman Nabi Isma`il sehingga kepada nabi terakhir Bani Israil iaitu Nabi `Isa a.s., sembahyang adalah suatu ibadat yang difardhukan. Sekalian nabi memerintahkan supaya bershalat, tetapi Bani Israil telah mengabaikan ibadat yang terpenting itu. Nabi Isma`il yang hidup pada 2,000 tahun sebelum Masihi telah menyuruh ahli keluarganya bershalat dan berzakat. (Ayat: 55).

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ

Nabi `Isa sendiri dinukilkan berkata bahawa Allah telah berpesan kepadanya supaya menjaga shalat dan zakat di sepanjang hayatnya (Ayat: 31).

وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ۝

Tetapi malang sekali, kerana selepas itu Bani Israil mengabaikan ibadat yang berkurun-kurun lamanya itu semata-mata kerana mengikut hawa nafsu. (Ayat: 59).

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ

5. Berhubung dengan kebinasaan kaum dan umat.

Satu perkara lagi tersebut di dalam Surah Maryam, bahawa Allah selalu juga membiarkan bangsa-bangsa yang derhaka bermewah-mewah dan berseronok dengan kehidupan yang serba lengkap untuk satu jangka masa, kemudian Dia membinasakan mereka. Cara membinasakan bangsa-bangsa seperti itu tersebut dua kali di dalam surah ini, pertamanya pada ayat ke-74 dan keduanya pada ayat ke-98.

(Ayat: 74)

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنْ قَرْنٍ هُمْ أَحْسَنُ أَثْنًا وَرِيًّا ۝

(Ayat: 98)

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنْ قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُمْ مِنْ أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْرًا ۝